

Garis Panduan

**KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
HORIZON BAHARU (KIKHB)
PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI**

**Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi**

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Edisi Terbitan 2023

Garis Panduan
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
HORIZON BAHARU (KIKHB)
PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

Diterbitkan oleh :
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi Aras 7,
Galeria PjH, Jalan P4W Persiaran Perdana,
Presint 4 62100 Putrajaya

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
KATA ALUAN	KATA ALUAN PENASIHAT	1
PENGHARGAAN	PRAKATA KETUA EDITOR	2
BAB 1	Pengenalan 1.1 TUJUAN 1.2 OBJEKTIF	3 - 4
BAB 2	Penyertaan 2.1 SYARAT – SYARAT PENYERTAAN 2.2 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK 2.3 KRITERIA PROJEK KIK 2.4 PEMBENTUKAN KUMPULAN 2.5 KOMPONEN KIK 2.6 PENOLAKAN PENYERTAAN 2.7 PERMOHONAN PENYERTAAN 2.8 PEMBENTANGAN PROJEK KIK	3 - 13
BAB 3	Penilaian 3.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK 3.2 KRITERIA PENILAIAN PAMERAN	14 - 15
BAB 4	Pengiktirafan 4.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH	16
LAMPIRAN	A – BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN B - RINGKASAN PROJEK C – KRITERIA PENILAIAN PROJEK D – REKABENTUK DAN SAIZ BUNTING	17 - 27
RUJUKAN	SENARAI RUJUKAN	28

KATA ALUAN: PENASIHAT

Salam sejahtera,

Penghasilan Garis Panduan Umum Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) Peringkat Kebangsaan Politeknik & Kolej Komuniti ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 - 2025 (PSPKK) strategi Ke 6 iaitu Membudaya Penyelidikan Gunaan dan Inovasi di dalam Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti JPPKK sangat komited dalam menjalankan pelbagai program bagi memastikan pembudayaan inovasi di POLYCC dapat berjalan dengan lancar. Pelaksanaan KIKHB yang berkesan berupaya menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan dan seterusnya memberi manfaat serta nilai tambah kepada individu, institusi mahupun rakyat. KIKHB berfokuskan kepada “outcome”, impak dan potensi perkembangan projek bagi tujuan replikasi, pengkomersialan dan penyertaan dalam pertandingan. Oleh itu, panduan ini dapat membantu berkaitan tatacara pengurusan bagi menyemarak budaya inovasi dalam sektor awam.

Justeru itu, warga POLYCC wajar diupayakan bakat secara optimum dalam membudaya dan menghasilkan inovasi sama ada inovasi sosial, inovasi pengurusan atau inovasi pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi demi mencapai kecemerlangan penyampaian perkhidmatan politeknik dan kolej komuniti.

Akhir kata, garis panduan umum KIKHB ini boleh dijadikan rujukan oleh warga POLYCC dalam menyediakan inovasi secara sistematik dan seterusnya membangunkan produk atau perkhidmatan yang boleh memberi manfaat kepada institusi masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

**YBHG. DR RIAM A/P CHAU MAI
PENGARAH PPI**

PRAKATA: KETUA EDITOR

Assalamualaikum Wbkt,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, “Garis Panduan Umum Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) Peringkat Kebangsaan Politeknik & Kolej Komuniti” dapat disediakan untuk rujukan penganjur serta warga POLYCC.

Mengambil kira perkembangan KIK yang berkembang pesat, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) berusaha menghasilkan Garis Panduan Umum Konvensyen KIKHB yang selari dengan keperluan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016, “Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif”.

Sokongan daripada seluruh warga POLYCC menghasilkan inovasi berimpak tinggi berteraskan kecekapan dan keberkesanan penjanaan idea baharu berpandukan garis panduan ini diharapkan membawa perubahan dalam penyampaian perkhidmatan.

Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada mereka yang bertungkus lumus secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan garis panduan ini.

Akhir kata, saya berharap agar garis panduan umum ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga POLYCC dalam memastikan ekosistem tempat kerja yang lebih baik dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**DR. ANWAR BIN HAMID @ PA
TIMBALAN PENGARAH PPI**

BAB 1: Pengenalan

1.1 TUJUAN

- 1.1.1** Memberi penjelasan berhubung tatacara umum **KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIKHB) PERINGKAT KEBANGSAAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**. Panduan ini dihasilkan selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 mengenai Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif**.
- 1.1.2** Memaklumkan mengenai syarat-syarat penyertaan, kriteria penilaian dan skema pemarkahan KIKHB.
- 1.1.3** Memaklumkan bahawa penyertaan projek KIK dinilai berdasarkan kepada kriteria dan format KIK Horizon Baharu seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

1.2 OBJEKTIF

- 1.2.1 Menekankan konsep pengurusan secara kemanusiaan yang mengutamakan aspek modal insan dan konsep pengurusan secara penyertaan tanpa mengira kedudukan dalam organisasi dimana semua diberi peluang untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada organisasi;
- 1.2.2 Merupakan satu mekanisme yang melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baru;
- 1.2.3 Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan;
- 1.2.4 Memberi tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisan serta penghasilan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif;
- 1.2.5 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi sektor awam dalam penyampaian perkhidmatan dan memelihara kesejahteraan rakyat; dan
- 1.2.6 Menghasilkan output berkualiti yang boleh memberi manfaat secara meluas dan menyumbang kepada pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara.

BAB 2: PENYERTAAN

2.1 SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

- 2.1.1** Penyertaan KIKHB terbuka kepada semua Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia.
- 2.1.2** Projek yang menyertai pertandingan hendaklah merupakan projek yang telah selesai dijalankan dan telah diaplikasikan sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada pihak urus setia serta tidak lebih daripada 3 tahun dari tarikh ia diperkenalkan.
- 2.1.3** Projek KIK yang telah memenangi mana-mana pertandingan KIK di peringkat yang lebih tinggi seperti Kementerian, MAMPU ataupun mana-mana anugerah dari agensi luar sama ada dalam negara mahupun luar negara adalah TIDAK LAYAK menyertai pertandingan.
- 2.1.4** Projek KIK yang telah memenangi Anugerah Projek KIK HB peringkat Kebangsaan anjuran JPPKK pada tahun-tahun yang lepas adalah TIDAK LAYAK menyertai pertandingan ini kecuali penambahbaikan 30 peratus (30%) telah dibuat pada projek tersebut.
- 2.1.5** Pihak penganjur berhak menerima dan menolak penyertaan yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 2.1.6** Pihak penganjur berhak menukar kategori penyertaan kepada kategori yang sewajarnya. Sebarang pertukaran kategori akan dimaklumkan kepada pemohon.
- 2.1.7** Keputusan pemilihan kumpulan yang layak untuk menyertai KIKHB adalah MUKTAMAD.

2.2 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK

2.2.1 Inovasi Sosial

- a) Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan warga politeknik dan kolej komuniti dan masyarakat secara menyeluruh.
- b) Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan warga politeknik dan kolej komuniti dan masyarakat dalam membangunkan sesuatu inovasi.
- c) Ciri-ciri utama inovasi sosial adalah:
 - i) Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik). Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu dalam masyarakat.
 - ii) Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.



Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan


2.2.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

- a) Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- b) Inovasi ini bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- c) Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat.
- d) Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:
 - i) Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi
 - ii) Budaya Kerja

- iii) Kewangan dan Aset
- iv) Pengurusan Perhubungan Pelanggan
- v) Pengurusan Sumber Manusia
- vi) Pengurusan Projek Pembangunan
- vii) Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

e) Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan adalah:

- i) Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan.
- ii) Meningkatkan kecekapan dan mengoptimum kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia.
- iii) Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.
- iv) Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan.




Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



Rajah 3: Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan

2.3 KRITERIA PROJEK KIK

- a) Lima kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ditunjukkan pada Rajah 4.



Rajah 4: Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk dikembangkan

2.4 PEMBENTUKAN KUMPULAN

2.4.1 KIK Primer

- a) Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 orang tetapi tidak melebihi 6 orang daripada agensi sama untuk melaksanakan projek KIK yang terdiri daripada:
 - i) Seorang Ketua Projek;
 - ii) Lima Orang Ahli Kumpulan.

2.4.2 KIK Hibrid

- a) Sekumpulan kakitangan terdiri daripada dua atau lebih agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.
- b) Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.

2.5 PENOLAKAN PENYERTAAN

- 2.5.1** Keputusan panel penilai dalam KIKHB terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.

2.6 PERMOHONAN PENYERTAAN

2.6.1 Kumpulan KIK yang menyertai KIKHB dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang disediakan seperti di **Lampiran A**.

2.6.2 Setiap institusi **dibenarkan** menghantar maksimum **dua (2) penyertaan**, yang meliputi kedua-dua kategori (Inovasi Sosial dan Inovasi Penyampaian Perkhidmatan).

2.6.3 Borang permohonan hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan.

2.6.4 Setiap kumpulan hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak urus setia sebelum tarikh tutup iaitu:

a) **Ringkasan Eksekutif – Lampiran B**

i) Jumlah maksima ialah 350 perkataan dalam satu muka surat sahaja.

b) **Tiga salinan laporan (bercetak/hardcopy)**

i) Laporan mengikut susunan aturan kriteria penilaian projek.

ii) Perincian projek **3000 - 5000 patah perkataan / tidak melebihi 15 muka surat** tidak termasuk lampiran.

iii) Minimum saiz tulisan adalah 11 dengan jenis *font Arial* dan *spacing multiple at 1.15*.

c) **Gambar Projek ~ maksimum 5 unit (Softcopy-jpg @jpeg)**.

d) **Logo Kumpulan dan Gambar Kumpulan (Softcopy-jpg @jpeg)**

e) **Video kebolehfungsian produk / perkhidmatan tidak melebihi 3 minit (Softcopy)***

2.7 PEMBENTANGAN PROJEK KIK

2.7.1 Ketetapan masa pembentangan projek KIK HB dibahagikan seperti berikut:

PERKARA	MINIT	LOCENG
Bersiap Sedia dan Memasang Peralatan Persiapan prototaip projek	3 Minit	Loceng dibunyikan menandakan masa persiapan bermula
Pembentangan projek KIK <ul style="list-style-type: none">• Loceng Pertama• Loceng Kedua• Loceng Ketiga	10 Minit	Termasuk Persembahan Video/Montaj [2 minit] <ul style="list-style-type: none">• Minit pertama [dua kali loceng]• Minit ke-8 [sekali loceng]• Minit ke-10 [dua kali loceng]
Sesi Soal Jawab bersama Panel Penilai	20 Minit	Loceng Dibunyikan Menandakan Masa Viva Sudah Tamat
Pemarkahan juri / persediaan kumpulan seterusnya	5 Minit	Pemarkahan juri/persediaan kumpulan seterusnya

Nota: Ketetapan masa boleh dibuat perubahan mengikut kesesuaian penganjur

BAB 3: PENILAIAN

3.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

3.1.1 Penilaian ke atas PROJEK KIK yang bertanding di dalam KIKHB akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh INTAN. Projek KIK ini akan dinilai oleh panel penilai yang ditauliahkan oleh pihak INTAN.

3.1.2 Pembahagian markah yang digunapakai adalah seperti berikut:-

Penilaian Projek

- a) Dokumentasi : 70%
- b) Sesi Soal Jawab : 30%

3.1.3 Penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab akan dibuat berdasarkan kriteria dengan peratusan markah seperti berikut:

BIL	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan	4
2.	Signifikan Pemilihan Projek dan Pembuktian	10
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23
4.	Keberhasilan Projek: <i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35
5.	Keberhasilan Projek: Impak Projek dan Pembuktian	18
6.	Potensi Pengembangan Projek	10
JUMLAH		100

3.1.4 Maklumat terperinci bagi penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab adalah seperti dalam **Lampiran C** (*Sumber: Garis Panduan KIK KPT 2022*)

3.2 KRITERIA PENILAIAN PAMERAN

Penganjuran KIKHB adalah secara bersemuka (tertakluk kepada situasi semasa di waktu pertandingan). Oleh yang demikian, KIKHB turut menganjurkan pertandingan pameran / *booth* di mana peserta **DIWAJIBKAN** mempamerkan hasil karya / produk mereka mengikut kreativiti masing-masing di dalam petak pameran yang disediakan oleh pihak penganjur. Penilaian umum untuk pertandingan pameran / booth adalah seperti di bawah:

BIL	PERKARA	MARKAH
1	BOOTH	80
2	PENYAMPAIAN	10
3	PROFESIONALISME	10
Jumlah		100

- 3.2.1** Ruangan pameran boleh merujuk manual pertandingan yang disediakan oleh penganjur. Reka bentuk dan saiz bunting adalah seperti dalam **Lampiran D**.

BAB 4: PENGIKTIRAFAN

4.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

- a) Hadiah-hadiah kepada para pemenang Konvensyen KIKHB akan disampaikan semasa hari perasmian penutup konvensyen.

- b) Anugerah diberikan dalam bentuk monetari dan bukan monetari sebagai insentif yang dapat menggalakkan warga kementerian untuk lebih membudayakan inovasi. Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada pemenang adalah berdasarkan Pekeliling W.P 5.3: Peraturan Mengenai Sambutan Hari Inovasi dan pekeliling terkini KPT. Walaubagaimanapun, jumlah hadiah pertandingan adalah tertakluk kepada kewangan semasa pihak penganjur.

LAMPIRAN A

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK

Semua Peserta Diwajibkan Membaca dan Memahami Peraturan dan Syarat-Syarat Penyertaan

- * **Semua Borang Penyertaan hendaklah bertaip**
- * **Template dalam format ms words boleh diperolehi di dalam manual yang dikeluarkan oleh penganjur (Rujuk Manual Pertandingan)**

LAMPIRAN A: MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK		
NAMA ORGANISASI		
ALAMAT ORGANISASI		
NAMA KUMPULAN		
TAJUK		
TARIKH MULA PROJEK		
TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK		
PILIHAN KIK	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan)	
	Primer	Hibrid
BIDANG INOVASI	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan)	
	Sosial	Penyampaian Perkhidmatan
KATEGORI INOVASI	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan)	
	Penciptaan	Penambahbaikan
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB		
FASILITATOR KUMPULAN (JIKA ADA)		
NAMA		
GRED DAN JAWATAN		
NO TELEFON PEJABAT / FAKS		
NO TELEFON BIMBIT		
E – MEL RASMI		

KETUA KUMPULAN	
NAMA	
GRED DAN JAWATAN	
INSTITUSI	
NO TELEFON PEJABAT / FAKS	
NO TELEFON BIMBIT	
E-MEL RASMI	
SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN & INSTITUSI	1)
	2)
	3)
	4)
	5)
GAMBAR KUMPULAN	
<p>Keterangan Gambar: Nama mengikut susunan seperti di gambar</p>	

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Dengan ini adalah disahkan bahawa
(Nama Kumpulan) akan menyertai KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIK HB) PERINGKAT KEBANGSAAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI.

.....

(Tandatangan dan Cop Pengarah)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

LAMPIRAN B

RINGKASAN EKSEKUTIF

Semua Peserta Diwajibkan Membaca Garis Panduan Untuk Maklumat Lebih Terperinci

- * **Ringkasan Eksekutif merangkumi perkara berikut:**
 1. Projek KIK yang dilaksanakan
 2. Menjelaskan keberhasilan projek: *Outcome* dan Impak Projek
 3. Menjelaskan potensi pengembangan projek
 4. Dalam satu muka surat maksimum 350 patah perkataan

- * **Ringkasan Eksekutif hendaklah bertaip**

- * **Template dalam format ms words boleh diperolehi di dalam manual yang dikeluarkan oleh penganjur (Rujuk Manual Pertandingan)**

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	
Bidang dan Kategori	
RINGKASAN EKSEKUTIF	

LAMPIRAN C

PENILAIAN DOKUMENTASI DAN SESI SOAL JAWAB

- * **Template dalam format ms words boleh diperolehi di dalam manual yang dikeluarkan oleh penganjur (Rujuk Manual Pertandingan).**

BORANG PEMARKAHAN

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIKHB) PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

TAJUK PROJEK:				
NAMA KUMPULAN:				
AGENSI / JABATAN:				
<i>Arahan : Sila tanda (√) pada ruang yang berkaitan.</i>				
JENIS KUMPULAN :	PRIMER		HYBRID	
BIDANG INOVASI :	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN		SOSIAL	
KATEGORI INOVASI :	PENCIPTAAN		PENAMBAHBAIKAN	
NAMA PANEL:				

Skala Likert				
1	2	3	4	5
Amat lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat baik

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA		WAJARAN	SKALA DIPILIH OLEH PANEL	MARKAH WAJARAN	CATATAN
1	Latar belakang kumpulan & Penglibatan pihak pengurusan [4]	a.	Maklumat kumpulan (borang penyertaan) & Sokongan serta kelulusan pihak pengurusan tertinggi jabatan	4			
2	Signifikan Pemilihan projek [10]	a.	Kaitan dengan fungsi utama jabatan/organisasi	1			
		b.	Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	2			
		c.	Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	2			

		d.	Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	2			
		e.	Kaedah pemilihan projek dan analisis	2			
		f.	Penyataan Sasaran <i>Outcome</i> dan Impak	1			
3	Tindakan penyelesaian [23]	a.	Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools	8			
		b.	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	8			
		c.	Perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa	3			
		d.	Pelaksanaan Inovasi	4			
KEBERHASILAN PROJEK							
4	4.1 Outcome projek [35]	a.	Pencapaian <i>Outcome</i> dan Pembuktian	25			
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	10			
	4.2 Impak projek [18]	a.	Penilaian Impak dan Pembuktian	14			
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	4			
5	Potensi Pengembangan Inovasi [10]	a.	Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses	4			
		b.	Tahap Replikasi atau Pengkomersialan	6			
Jumlah				100	/500	

LAMPIRAN D

REKA BENTUK DAN SAIZ BUNTING



RUJUKAN

1. Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam. Bil. 1 Tahun 2016 Panduan Pembudayaan Dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)
2. Garis Panduan Penyertaan Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi 2022